



**PEJABAT PELAJARAN DAERAH JASIN,
77000 JASIN, MELAKA**

Pejabat Am : 06-5292878 / 06-5292664 / 06-5296901
Faksimili : 06-5291037 (PENTADBIRAN)
: 06-5293932 (KEWANGAN)
E-mail : ppdjasin@ppdjasin.edu.my
Laman Web : http://www.ppdjasin.edu.my



Rujukan Kami : PPDJ/UPPK/ 900-4/6
Tarikh : 14 November 2011

**TUAN PENGETUA/ GURU BESAR
SEKOLAH MENENGAH / RENDAH DAERAH JASIN**

Tuan,

SEMINAR PELABURAN 360 HARI DAN KAUNTER PELABURAN

Perkara di atas adalah dirujuk dan berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku anak syarikat penuh milik Permodalan Nasional Berhad (PNB) akan mengadakan seminar di atas sebagaimana maklumat di bawah :

Tarikh : 15 November 2011 (Selasa)
Masa : 8.00 pagi – 11.30 pagi
Tempat : Dewan Pejabat Perpaduan Daerah Jasin

3. Sehubungan dengan itu mohon tuan mengarahkan **seorang** guru sekolah tuan samada (GPK Kokurikulum / Penyelaras Kelab Dan Persatuan / Guru Kelab PNB) untuk hadir dalam seminar tersebut agar maklumat yang akan disampaikan dapat disebar kepada warga pendidik sekolah tuan.

4. Bersama-sama ini disertakan surat kelulusan daripada JPM untuk rujukan tuan. Kerjasama serta keperihatinan tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(AHMAD KAMAL BIN RAMTAN)

Timbalan Pegawai Pelajaran Daerah Jasin

b.p. Pegawai Pelajaran Daerah Jasin

- s.k. 1. Ketua Unit Kokurikulum JPM
2. Ketua Unit PPK PPD Jasin
3. Fail Timbul



JABATAN PELAJARAN MELAKA
JALAN ISTANA,
PETI SURAT No. 62,
75450 MELAKA

Timbalan : 06-2323781
Pejabat Am : 06-2323777
06-2323778
06-2323779
Peperiksaan : 06-2323780
Fax : 06-2320500

JPM. SPS.UPP.100-2/5/1Jld 20()

Tarikh : 10 November 2011

Ketua Pejabat,
Amanah Saham Nasional Berhad Melaka,
No.11&13, Kompleks Perniagaan Al- Azim,
Jln. KPAA 1, Bukit Baru,
75150 Melaka.

Tuan,



KELULUSAN BAGI MENGADAKAN SEMINAR PELABURAN 360 HARI DAN KAUNTER PELABURAN.

Dengan segala hormatnya merujuk kepada surat tuan ASNB/JPOC/2011(10) bertarikh 08 November 2011 mengenai perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Pelajaran melalui Surat Pekeliling Ikhhtisas Bil. 12/1988 bertarikh 29 Jun 1988 melarang pengusaha, jurujual dan wakil syarikat mengadakan jualan terus dagangan / barangan, promosi / demonstrasi dan pameran kepada guru-guru dan murid-murid dalam waktu persekolahan atau melantik sekolah sebagai wakil pengedar / jualan.

3. Kebenaran ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti di bawah:

- 3.1. Mendapat persetujuan daripada Pengetua/Guru Besar Sekolah yang berkenaan;
- 3.2. Pameran, demonstrasi, promosi dan jualan dilakukan pada satu-satu hari tertentu yang ditetapkan, misalnya ketika sekolah mengadakan perayaan Hari Ibu Bapa, Hari Guru, Hari Sukan, Mesyuarat Tahunan Persatuan Ibu Bapa Guru dan seumpamanya;
- 3.3. Taklimat kepada guru dan murid serta warga sekolah hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran;
- 3.4. Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan sekolah;

Untuk Tindakan Makluman/Perhatian	
PPD	
KUP Sekolah	✓ Dr Hamzah
KUP Kemahiran	
KUP Islam/Moral	
KUPem. Bekalan	
KUMaklumat/ICT	
Peg. Kaunseling	
KU Kewangan	
KU Perk./Tadbiran	

3.5. Kelulusan ini hanya untuk tujuan dipohon sahaja dan luput selepas 15 November 2011.

4. Sebarang pertanyaan, sila hubungi En. Razale Bin Abdul Rahman di talian 06-2325922 (Unit Perhubungan dan Pendaftaran). Sekian untuk makluman tuan. Terima kasih.

**"MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG, NEGERI BANDAR TEKNOLOGI HIJAU"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,


(HJ. ZUBIR-BIN MOHD NOR)

Ketua Unit Perhubungan dan Pendaftaran
b.p. Pengarah Pelajaran Melaka

s.k.

1. Pegawai Pelajaran Daerah Melaka Tengah
2. Pegawai Pelajaran Daerah Jasin
3. Pegawai Pelajaran Daerah Alor Gajah
4. Fail Penyelaras